

U B106 AAB
PERHATIAN EDITOR R'R'R'

MAHATHIR - MAJORITI R'R'R' (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN PADA PARA
KETIGA)

JITRA, 20 OKT (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL (BN) AKAN MENCATAT
KEMENANGAN BESAR DENGAN MEMPEROLEHI MAJORITI DUA PERTIGA PADA
PILIHAN RAYA UMUM ESOK, DEMIKIAN DISIMPULKAN OLEH PERDANA MENTERI,
DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGAKHIRI SIRI KEMPEN KE
SELURUH NEGARA HARI INI.

BELIAU YAKIN BAHAWA BN AKAN MENCATAT KEMENANGAN BESAR DI SELURUH
NEGARA KECUALI MUNGKIN MENGHADAPI SEDIKIT MASALAH DI KELANTAN, YANG
MENURUTNYA, MEMPUNYAI +FAKTOR LUAR BIASA.+

SUNGGUHPUN NEGERI ITU MEMPUNYAI +FAKTOR LUAR BIASA+ TETAPI BN
YAKIN AKAN MENANG DI KELANTAN, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS
MENGHADIRI JAMUAN TENGAH HARI DI KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH KUBANG
PASU, DATUK SYED ZAIN SYED ABDULLAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG ENGGAN MENGHURAIKAN +FAKTOR LUAR
BIASA+ ITU, BAGAIMANAPUN BERKATA, KEMENANGAN MAJORITI DUA PERTIGA
SEBENARNYA TERLETAK PADA KUASA TUHAN.

+KITA DAH BUAT PENILAIAN, BAGI KITA TIDAK ADA SATU SEBAB KENAPA
KITA TAK BOLEH DAPAT (MAJORITI DUA PERTIGA) TETAPI AKHIRNYA BUKAN
KITA YANG NAK TENTUKAN. KALAU TUHAN KATA NAK JADI, JADILAH. KALAU
TUHAN IZIN, JADILAH,+ KATANYA. -- LAGI.

1913MST 20 10 90

D740

R B102 BAH
RAZALEIGH - CERAMAH

KUALA LUMPUR, 20 OKT (BERNAMA) -- PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46,
TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENGAKHIRI KEMPEN PILIHAN RAYANYA DI
BANDARAYA INI DENGAN MENGADAKAN CERAMAH BAGI MENYOKONG CALON PARTI
RAKYAT MALAYSIA, DR SYED HUSIN ALI, YANG BERTANDING DI KAWASAN
PARLIMEN KAWASAN BATU, DI WANGSA MAJU DI SINI HARI INI.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH BEKAS PRESIDEN PEKEMAS,
TAN SRI DR TAN CHEE KHOON. KIRA-KIRA 500 ORANG MENGHADIRI CERAMAH
ITU.

TENGGU RAZALEIGH BERKATA BELIAU AKAN MENGADAKAN CERAMAH AKHIRNYA
DI KOTA BAHARU MALAM INI. -- BERNAMA
1935MST 20 10 90